

ADA APA DENGAN TULISAN

Oleh

CHRISTY SERINI ANAK AWANG
small_cytie@yahoo.com

ABSTRAK

Kajian tindakan ini bertujuan untuk mengetengahkan jenis-jenis dan peringkat genggamans pensel dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Selain itu, kajian ini juga untuk melihat adakah masalah genggamans pensel ini mempengaruhi kekemassan tulisan kanak-kanak prasekolah. Penyelidikan tindakan ini juga dijalankan untuk melihat bagaimana pendekatan bimbingan individu secara peniruan dan arahan terus yang saya gunakan dapat membantu peserta kajian saya iaitu Martin yang mengalami masalah pembelajaran Disgrafia. Disgrafia merupakan masalah pembelajaran yang teruk dalam aspek tulisan tetapi tidak memerlukan perkhimatan pendidikan khas. Data dikumpul dan dianalisis menggunakan kaedah pemerhatian, analisis kandungan dokumen dan senarai semak. Kemudian saya menggunakan triangulasi sumber dan kaedah untuk penyemakan data sebagai cara menyemak kesahihan data. Hasil daripada kajian saya ini menunjukkan bahawa pendekatan bimbingan individu secara peniruan dan arahan terus ini berkesan dalam membantu Martin memegang pensel dengan cara yang betul. Selain itu sedikit sebanyak dapat membantu Martin memperkemaskan lagi tulisannya supaya dapat dibaca dan difahami.

Kata kunci: Disgrafia, genggamans pensel, pendekatan bimbingan individu

ABSTRACT

This action research aimed at introducing types and stages of pencil grip among preschool children. This study also intended to determine whether pencil grip problem affect preschool children's handwriting. It was also carried out to determine how individual coaching by way of instruction and direct imitation which I have used could assist my respondent, Martin who has learning disgraphia. Disgraphia is an acute learning difficulty in handwriting but not needing any special education attention. The data were gathered though observation, documentary analysis and a checklist. Subsequently I used the triangulation of resource and the methods in verifying my data. The findings of this study indicated that individual coaching by way of imitations and instructions were effective in assisting Martin to hold the pencil correctly. In addition, it has helped Martin to improve his handwriting to be readable as well as understandable.

Keywords: Disgraphia, pencil grip, individual coaching approach

PENGENALAN

Konteks

Saya merupakan guru pelatih Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang (IPG KBL) dari kumpulan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Prasekolah Ambilan Januari 2009. Saya telah menjalankan satu penyelidikan tindakan semasa menjalani praktikum Fasa III di sebuah prasekolah iaitu Prasekolah Kencana Sekolah Kebangsaan Berjaya Maju (bukan nama sebenar) yang terletak kira-kira 10km dari Bandaraya Kuching. Tajuk bagi penyelidikan tindakan saya ini ialah 'Ada Apa Dengan Tulisan' yang lebih memberi fokus kepada cara genggam pensel yang betul semasa menulis. Selain itu, kajian ini juga mengetengahkan jenis-jenis genggam dan peringkat genggam pensel kanak-kanak prasekolah. Kajian ini juga dijalankan untuk menentukan adakah cara genggam pensel mempengaruhi keemasan tulisan subjek kajian saya dan bagaimana pendekatan bimbingan individu dan Model Arahan Terus dapat membantu subjek kajian saya memegang pensel dengan betul serta mempertingkatkan keemasan tulisan.

Seterusnya, saya akan menceritakan serba sedikit berkenaan dengan pengalaman proses pembelajaran dan pengajaran saya semasa menjalani praktikum Fasa I, II dan III. Selain itu, fokus kajian, tinjauan awal masalah, dan objektif serta persoalan kajian juga turut saya nyatakan di bawah tajuk pengenalan ini.

Refleksi Pengalaman Pembelajaran dan Pengajaran

Saya telah menjalani praktikum Fasa I, II dan III di sekolah yang berbeza. Saya telah dipertanggungjawabkan untuk mengajar kanak-kanak prasekolah. Dalam tempoh tersebut, saya telah mengalami masalah yang sama dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Saya mendapati ramai murid di prasekolah mengalami masalah dari segi tulisan. Kebanyakkan latihan menulis huruf atau nombor di dalam buku latihan sukar dibaca dan difahami. Hal ini mungkin disebabkan mereka masih belum menguasai sepenuhnya kemahiran pra tulis dan ini menyebabkan mereka tidak dapat menulis dengan betul. Bahkan untuk menyalin semula huruf atau nombor yang diberikan agak sukar bagi mereka.

Dalam satu proses pembelajaran dan pengajaran yang telah saya jalankan, saya menyediakan satu latihan bertulis di dalam buku latihan. Saya mendapati beberapa orang murid tidak dapat menulis dengan baik, kemas dan teratur. Selain itu perkembangan motor halus tangan dan jari agak lemah dan ini menyukarkan mereka untuk memegang pensel dengan betul. Saya telah membuat teguran terhadap beberapa orang murid agar menulis dengan betul dan kemas namun hari-hari berikutnya saya masih menemui masalah yang sama.

Oleh hal yang demikian, saya merasakan bahawa mereka memerlukan bimbingan latihan kemahiran menulis. Semua masalah ini saya sahut sebagai satu cabaran di mana saya perlu berbuat sesuatu dan bertindak untuk mengurangkan masalah yang berkaitan serta berusaha untuk membantu anak murid saya.

Fokus Kajian


Setelah kira-kira dua minggu saya mengajar di Prasekolah Kencana (nama samaran), saya mendapati kebanyakan anak murid saya mengalami masalah tulisan yang tidak kemas. Perkara ini berdasarkan semakan hasil kerja dalam lembaran kerja selepas proses pembelajaran dan pengajaran saya. Selain itu, saya juga mendapati anak murid saya mengalami masalah dari segi menggenggam pensel semasa menulis dengan cara yang betul. Saya berpendapat, bahawa perkara ini berlaku disebabkan kanak-kanak prasekolah tidak didedahkan dengan teknik-teknik atau strategi penulisan yang betul pada peringkat awal lagi. Menurut Levine (1987) dalam Dayang Nurmalisa (2010) menyatakan bahawa cara memegang alat tulis akan mempengaruhi bentuk tulisan yang dihasilkan.

Tinjauan Awal Masalah


Saya telah melakukan tinjauan awal terhadap jenis-jenis genggamans pensel kanak-kanak prasekolah terlebih dahulu sebelum mengenalpasti masalah cara menggenggam pensel semasa menulis. Pemerhatian tersebut telah saya rekod dalam bentuk jadual (rujuk Jadual 2.2a). Sebanyak 25 orang murid telah diperhatikan bagi mengenalpasti jenisgenggamans pensel bagi setiap kanak-kanak prasekolah. Kod (a) hingga (j) berikut merupakan cara memegang pensel berdasarkan Definisi Operasi bagi Postur Genggamans dalam Urutan Pembangunan (rujuk Rajah 1) yang dicipta oleh Schneck dan Henderson (1990). Rajah 1 ini saya dapati dari sumber Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu bagi Genggamans Pensel Kanak-Kanak Bermasalah Pembelajaran yang ditulis oleh Lim Chien Yen (2012).

- (a) genggamans jejadi silang tapak tangan
- (b) genggamans supinate tapak tangan
- (c) genggamans pronate digital, hanya jari dilanjutkans
- (d) genggamans berus
- (e) genggamans dengan lanjutan jari
- (f) genggamans ibu jari silang
- (g) genggamans tripod static
- (h) genggamans empat jari
- (i) genggamans tripod lateral
- (j) genggamans tripod dinamik.

Rajah 1 :Definisi Operasi bagi Postur Genggamans dalam Urutan Pembangunan



Saya mendapati kanak-kanak Prasekolah Kencana Sekolah Kebangsaan Berjaya Maju lebih ramai memegang pensel dengan cara (h) genggam empat jari iaitu seramai lapan daripada 25 orang murid dengan 32% (rujuk Rajah 2). Seterusnya diikuti cara (g) genggam tripod static seramai tujuh orang murid dengan 28%, genggam tripod lateral seramai lima orang murid dengan 20%, seterusnya genggam tripod dinamik seramai empat orang dengan 16% dan yang terakhir iaitu genggam ibu jari silang seorang sahaja dengan 4%.




Catatan :

Cara pegangan pensel pelajar ini tidak betul. Tetapi, hasil tulisan adalah cantik. Mungkin disebabkan oleh kedudukan kertas yang disengetkan sedikit ke sebelah kiri kerana murid ini menggunakan tangan kanan.

Rajah 2 :(h)Genggam empat jari

Menurut Schneck dan Henderson (1990) menyatakan bahawa perkembangan jenis-jenis genggam yang tidak matang ialah dari (a) hingga (h) dan jenis-jenis genggam yang matang ialah (i) dan (j). Saya mendapati 36% iaitu sebanyak 9 daripada 25 orang kanak-kanak Prasekolah Kencana SK Berjaya Maju yang dikategorikan genggam pensel peringkat matang. Manakala selebihnya 64% iaitu sebanyak 16 orang kanak-kanak prasekolah tersebut masih lagi pada peringkat tidak matang. Hal ini menunjukkan masih ramai lagi kanak-kanak prasekolah yang belum menguasai peringkat genggam pensel yang matang. Rajah 3 dan Rajah 4 berikut menunjukkan cara genggam pensel pada peringkat matang.



Catatan :

Cara memegang pensel murid ini betul tetapi cengkaman pensel oleh murid ini adalah kuat dan jarak jari murid ini kurang 3 cm dari hujung mata pensel.

Rajah 3:(i)Genggam tripod lateral




Catatan :

Cara memegang pensel murid ini adalah betul. Tetapi cengkaman pensel kurang kemas dan tulisan yang dihasilkan kurang cantik. Pembentukan huruf yang kurang cantik disebabkan oleh cengkaman yang terlalu kuat dan jari yang terlalu dekat.


Rajah 4 :(j)Genggam tripod dinamik

Melalui pemerhatian awal yang telah dibuat, dalam kebanyakan masalah .menulis yang dialami oleh kanak-kanak prasekolah dalam kelas, saya telah mengenalpasti seorang kanak-kanak prasekolah yang dikenali sebagai Martin (nama samaran). Saya juga mendapati cara Martin memegang pensel adalah salah (rujuk Rajah 5).



Rajah 5 :
Cara Martin memegang pensel yang salah ketika menulis

Menurut Levin (1987) dalam petikan artikel kajian penyelidikan ke atas kekemasan tulisan murid Tahun 2 oleh Noraini Binti Ombi (2009), cara memegang alat tulis akan mempengaruhi bentuk tulisan yang dihasilkan oleh murid. Selain itu, tangan Martin yang bergetar semasa menulis menunjukkan kelemahan pada motor halus tangan. Hal ini menyebabkan Martin menghadapi kesukaran memegang pensel (rujuk Rajah 6).



Rajah 6 : Tulisan Martin yang buruk dan kurang kemas sukar dibaca

Dari segi kedudukan badan atau postur badan Martin ketika menulis juga kurang sesuai dan ini boleh menimbulkan keadaan yang tidak selesa bagi Martin.



Rajah 7 : Postur badan Martin ketika menulis

Objektif Kajian

Objektif am bagi kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti jenis-jenis gengaman pensel pensel kanak-kanak dalam Pendidikan Prasekolah dan memberi maklum balas masalah menulis dari segi gengaman pensel. Manakala objektif khusus kajian ini adalah untuk membantu Martin dapat menulis dan memegang pensel dengan cara yang betul semasa menulis. Disamping itu juga, dapat membantu Martin memperbaiki tulisannya agar menjadi lebih kemas dan boleh dibaca.

Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan kajian berikut.

Kajian ini menguji beberapa soalan berikut iaitu :

- Adakah wujud hubungan cara gengaman pensel dengan kekemasan tulisan Martin?
- Adakah pendekatan bimbingan individu dan arahan terus dapat membantu Martin memegang pensel dengan betul serta mempertingkatkan kekemasan tulisan Martin?

PELAKSANAAN TINDAKAN

Seterusnya, saya akan menyatakan perancangan dan pelaksanaan tindakan yang saya jalankan untuk kajian saya ini. Dalam melaksanakan kajian saya, berikut adalah perancangan tindakan yang telah saya lakukan.

Perancangan Tindakan

Saya berpendapat Martin mempunyai tulisan yang buruk dan kurang kemas kerana Martin menghadapi masalah dalam teknik memegang pensel dengan betul semasa menulis. Selain itu kelemahan dalam motor halus menyebabkan Martin menghadapi kesukaran memegang pensel. Levin (1987) dalam sebuah artikel yang bertajuk "Kajian Kes Keatas Kekemasan Tulisan Murid Tahun 2 Dalam Kelas Pemulihan Khas Bahasa Melayu" oleh Noraini Binti Ombi (2009) juga ada menyatakan bahawa cara memegang alat tulis akan mempengaruhi bentuk tulisan yang dihasilkan oleh murid. Manakala kelemahan dalam motor halus menyebabkan kanak-kanak menghadapi kesukaran memegang pensel. Kanak-kanak yang tidak menggunakan motor halus ketika menulis maka menyebabkan cengkaman pensel yang tidak kuat. Sebenarnya kanak-kanak menggunakan lengan dan pergelangan tangan, dan bukan jari untuk menulis. Cengkaman yang terlalu kuat pada alat tulis dan jari yang terlalu dekat dengan mata pensel menimbulkan kesakitan kepada kanak-kanak. Semua ini adalah faktor yang menyumbang kepada pembentukan huruf yang kurang cantik.

Oleh itu, saya telah merancang beberapa tindakan untuk dijalankan berdasarkan masalah yang saya dapati. Saya telah merancang untuk menggunakan pendekatan bimbingan individu dan arahan terus untuk membantu Martin mengatasi masalah yang dihadapinya. Dalam pendekatan ini, saya mengaplikasikan teori pemodelan yang diperkenalkan oleh tokoh falsafah pendidikan yang terkenal iaitu Albert Bandura (1997), yang saya perolehi hasil pembacaan saya ke atas kajian Juliana Chu Chen (2009), Tiong Houg Ching (2005) dan Benjamin Anak Kibong (2005).

Saya melaksanakan bimbingan ini terhadap Martin setiap kali dalam proses pembelajaran dan pengajaran saya di dalam kelas. Ketika murid-murid yang lain sedang membuat tugas, saya akan mengambil peluang memberi bimbingan secara individu kepada Martin dengan aktiviti-aktiviti menulis yang telah saya sediakan. Bimbingan ini juga hampir sama dilakukan oleh Dayang Nurmalisa (2010)kajiannya yang bertajuk “Kesan Pendekatan Bimbingan Secara Individu Dalam Membantu Murid Tahun Tiga Membaiki Tulisan Bahasa Melayu”. Tindakan yang saya laksanakan untuk kajian saya adalah seperti berikut.

Tindakan

Sepanjang menjalani praktikum, saya mendapati guru prasekolah kurang memberi penekanan kepada pengajaran menulis di kelas khususnya cara memegang alat tulis dengan betul, menulis huruf mengikut pergerakan yang betul, menentukan saiz huruf dan menentukan ruang antara huruf dan perkataan. Sepatutnya pada peringkat awal lagi, pendedahan kaedah menulis yang betul sememangnya amat penting untuk kanak-kanak supaya mereka dapat melahirkan idea melalui tulisan yang cantik lagi sedap mata memandang, kemas dan teratur. Oleh itu, antara tindakan yang saya jalankan adalah seperti berikut.

Bimbingan Individu : Kemahiran Memegang Pensel Dengan Genggaman Yang Betul.

• Cara duduk – Postur badan

Langkah-Langkah

1. Martin disuruh duduk dengan postur badan yang betul semasa menulis.
2. Saya memastikan Martin tidak menyandarkan badan ke tepi, menundukan ke dan meniarap atas meja semasa semasa menulis.
3. Saya membuat teguran terus sekiranya saya mendapati cara duduk atau postur badan Martin salah ketika menulis.



Rajah 8 :Cara duduk dan postur badan Martin yang betul semasa menulis

• Cara memegang pensel dengan betul.


Langkah-Langkah:

1. Saya akan menjadi role model untuk menunjukkan cara memegang pensel dengan kedudukan jari yang betul (rujuk Rajah 9)
2. Saya memastikan Martin memegang pensel dengan menggunakan ibu jari dan jari telunjuk. (rujuk Rajah 10)
3. Kemudian kedua-dua jari tersebut disokong dengan jari tengah.

4. Jarak jari lebih kurang 3 cm dari hujung mata pensel atau kertas digunakan.



Rajah 9 :Menunjukkan cara memegang pensel yang betul kepada Martin




Rajah 10:Martincuba meniru cara memegang pensel dengan betul.

- **Kedudukan tangan dan buku.**

Langkah-Langkah

1. Saya melatih Martin menulis dengan kedudukan tangan yang selesa dan sesuai.
2. Kedudukan kertas atau buku seelok-eloknya menegak.
3. Tangan kiri tidak memegang penjuru atas kiri (rujuk Rajah 11).



Rajah 11 : Kedudukan tangan dan buku atau kertas yang betul semasa menulis

Bimbingan Individu : Aktiviti Pratulisan (Pengukuhan)

Aktiviti 1 : Menconteng dan Mewarna

Langkah- Langkah:

1. Martin diberi aktiviti menconteng mengikut lakaran garisan yang berterusan.
2. Langkah seterusnya, Martin mewarnakan gambar lakaran sama ada secara melintang, menegak, dan meyendeng mengikut sempadan corak atau gambar. (rujuk Rajah 12)




Rajah 12: Contoh aktiviti menconteng dan mewarna Martin.

Aktiviti 2 : Menyambung Garisan Putus –Putus

Langkah – Langkah :

1. Martin menyambung garisan putus-putus yang telah disediakan.
2. Terlebih dahulu Martin menyambungkan garisan putus-putus dari arah atas ke bawah dan kemudian dari arah bawah ke atas (rujuk Rajah 13a).
3. Kemudian Martin menyambungkan garisan putus-putus dari arah kanan ke kiri dan kemudian dari arah kiri ke kanan (rujuk Rajah 13b).



Rajah 13a : Martin menyambungkan garisan putus-putus dari arah atas-bawah dan kemudian dari arah bawah-atas.




Rajah 13b : Martin menyambungkan garisan putus-putus dari arah kanan-kiri dan kemudian dari arah kiri-kanan.

Aktiviti 3 : Membentuk dan Meniru

Langkah-Langkah

1. Martin terlebih dahulu akan menyambungkan garisan-garisan putus supaya menjadi satu bentuk.
2. Kemudian Martin meniru bentuk yang sama bersebelahan dengan bentuk yang telah disambunnya titik sebelumnya (rujuk Rajah 14).




Rajah 14

Menyambung garisan putu-putus Meniru bentuk segi empat sama

Aktiviti 4 : Menyalur

Langkah – Langkah :

1. Aktiviti terakhir ialah Martin melakukan menyalurkan atau melakar garisan di antara dua garisan sempadan.
2. Martin akan cuba menyalurkan jalan keluar bagi aktiviti dalam lembaran kerja yang disediakan (rujuk Rajah 15).



Rajah 15 : Aktiviti menyalur jalan yang betul untuk keluar oleh Martin.

METODOLOGI

Peserta Kajian

Peserta dalam kajian ini adalah Martin seorang kanak-kanak lelaki yang belajar di Prasekola Kencana, SK Berjaya Maju. Di samping itu, saya sendiri peserta kajian yang ingin menambah baik amalan sendiri dalam proses pembelajaran dan pengajaran di dalam pendidikan prasekolah.

Etika Penyelidikan

Sebelum menjalankan kajian saya ini, saya terlebih dahulu menulis surat untuk memohon kebenaran daripada ibu bapa Martin bagi membenarkan Martin terlibat dalam penyelidikan ini. Selain itu juga, saya memohon kebenaran daripada Guru Prasekolah Kencana bagi membenarkan saya untuk menjalankan kajian ini di dalam bilik darjah prasekolah tersebut. Saya juga menerangkan secara bersemuka dengan Martin tentang tujuan dan perkara yang saya akan lakukan sepanjang penglibatannya di dalam penyelidikan ini secara ringkas dan boleh difahaminya.

Teknik Mengumpul Data


Dalam kajian ini, saya telah menggunakan tiga kaedah pengumpulan data iaitu pemerhatian, analisis dokumen dan senarai semak. Teknik pengumpulan data ini mudah dan dapat memberi gambaran yang menyeluruh tentang proses yang berlaku dalam kajian ini.

Analisis Data

Data dianalisis dengan kaedah analisis pemerhatian, analisis kandungan dan senarai semak.

Analisis Pemerhatian


Analisis pemerhatian terhadap cara Martin memegang pensel menunjukkan cara genggaman pensel yang salah semasa menulis dan perlu diperbetulkan (rujuk Rajah 16).



Rajah 16a : Memerhati Cara Martin memegang pensil

Analisis Kandungan

Analisis kandungan lembaran kerja Martin mendapati Martin memang mengalami masalah tulisan yang buruk, kurang kemas dan susah untuk dibaca serta difahami oleh saya.



Rajah 17 : Contoh lembaran kerja Martin

Senarai Semak

Analisis senarai semak mendapati Martin tahap penguasaan kemahiran menulis Martin semakin baik daripada sebelum tindakan dijalankan (rujuk Jadual 1)

Jadual 1 : Contoh Borang Senarai Semak Tahap Penguasaan Kemahiran Menulis Martin)

BORANG SENARAI SEMAK				
Nama Penyelidik : Christy Serini Anak Awang Nama Subjek : Martin (Bukan nama sebenar) Perkara : Tahap Penguasaan Kemahiran Menulis Arahan : <i>Tandakan (TM) jika murid telah menguasai</i> <i>Tandakan (SM) jika murid sedang menguasai</i> <i>Tandakan (BM) murid belum me</i>				
Kriteria	Tahap Penguasaan			Menunjukkan tahap penguasaan kemahiran menulis Martin dari segi cara memegang pensel bertambah baik.
	P1	P2	P3	
Cara memegang pensel	BM	SM	TM	Martin memmen tinda

Teknik Menyemak Data

Saya menggunakan triangulasi sumber dengan meminta pandangan dan perbandingan rakan sepraktikum saya iaitu Amie (nama samaran) dan guru pembimbing saya Cikgu Sue (nama samaran) ke atas lembaran kerja Martin. Saya menunjukkan lembaran kerja lembaran kerja Martin sebelum, semasa dan selepas tindakan kepada mereka. Selain itu, saya juga menggunakan triangulasi kaedah iaitu kaedah pemerhatian, analisis dokumen dan senarai semak.

DAPATAN KAJIAN

Melalui kajian ini, saya mendapati bahawa pendekatan bimbingan secara individu serta aktiviti-aktiviti yang telah saya jalankan terhadap Martin amat berkesan. Hal ini kerana melalui pendekatan tersebut saya dapat membantu Martin untuk memperkembangan kemahiran menulis dari segi genggamannya dengan cara yang betul semasa proses pembelajaran dan pengajaran. Sebagai seorang guru, saya harus bijak menyesuaikan bimbingan serta aktiviti yang sesuai dengan tahap kecerdasan murid agar objektif pembelajaran dan pengajaran pada hari tersebut tercapai.


Selain itu, berdasarkan kajian yang saya jalankan terhadap masalah yang dihadapi oleh Martin, saya mendapati bahawa tindakan yang saya laksanakan dapat membantu Martin cara memegang pensel dengan kedudukan jari yang betul. Walaupun peringkat genggamannya masih pada peringkat yang kurang matang, namun Martin telah cuba untuk memperbaiki cara genggamannya ke peringkat yang seterusnya. Dengan perubahan tersebut, Martin dapat memperbaiki tulisannya yang terlalu teruk dahulu menjadi lebih jelas dan mudah untuk dibaca serta difahami.

REFLEKSI

Refleksi Dapatan


- Adakah wujud hubungan cara genggam pensel dengan kekemasan tulisan Martin?

Berdasarkan kajian yang saya jalankan terhadap masalah yang dihadapi oleh Martin, memang wujud hubungan cara genggam pensel dengan kekemasan tulisan Martin. Menurut Levin (1987) menyatakan bahawa cara memegang alat tulis akan mempengaruhi bentuk tulisan yang dihasilkan oleh murid.



Tulisan Martin yang agak buruk, kurang kemas, dan agak sukar difahami sebelum tindakan dijalankan

Rajah 19 : Tulisan Martin sebelum tindakan dijalankan.



Tulisan Martin mengalami perubahan yang baik. Huruf serta perkataan yang ditulis dapat difahami dan dibaca setelah tindakan dijalankan.

Rajah 20 : Tulisan Martin selepas tindakan dijalankan

- Adakah pendekatan bimbingan individu dan arahan terus dapat membantu Martin memegang pensel dengan betul serta mempertingkatkan kekemasan tulisan Martin?

Seperti kajian oleh Tiong Houg Ching (2005), Juliana Ling Chu Chen (2009) dan Benjamin Anak Kibong (2005), saya juga telah membimbing dan menjadi role model kepada Martin supaya Martin dapat mempraktikkan kemahiran yang ditunjukkan dengan cara meniru atau modeling. Saya turut menunjukkan cara memegang pensel yang betul ketika menulis kepada Martin dan Martin akan mengikut arahan saya untuk meniru cara saya memegang pensel dengan betul. Ternyata pendekatan bimbingan individu dan arahan terus ini berjaya membantu Martin.



Rajah 21 :
Membimbing Martin cara memegang pensel yang betul

Refleksi Penilaian tindakan

Sebelum Tindakan

Sebelum tindakan dalam kajian saya ini dijalankan, saya amat rasa risau dengan masalah yang dihadapi oleh subjek kajiansaya. Saya mendapati tahap pencapaian dan penguasaan kemahiran menulis oleh subjek kajian saya sangat lemah. Sebagai seorang pendidik, saya tidak mahu anak murid saya ketinggalan dari segi akademik di sekolah. Tambahan lagi, selain daripada kemahiran membaca dan mengira, kemahiran menulis adalah kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh kanak-kanak dalam pendidikan prasekolah. Oleh itu, dengan tindakan yang telah saya rancang dalam kajian ini, saya berharap dapat membantu subjek kajian saya mengatasi masalah yang dihadapinya.

Semasa Tindakan

Saya telah menjalankan tindakan bimbingan individu untuk membimbing subjek kajian saya dalam kemahiran menulis iaitu dari segi genggamans pensel yang betul semasa menulis. Selain itu juga, aktiviti-aktiviti yang telah disediakan dapat membantu saya untuk memantapkan lagi bimbingan saya terhadap subjek. Walaupun pelbagai halangan dan cabaran yang dihadapi semasa menjalankan tindakan ini, namun saya belajar bersabar dan sentiasa berusaha dengan gigih agar saya dapat membantu subjek kajian saya.

Selepas Tindakan

Selepas tindakan dijalankan, saya amat bersyukur kerana usaha yang saya jalankan membuahkan hasil. Tindakan yang saya jalankan telah dapat memberikan kesan yang positif terhadap tulisan subjek kajian saya. Daripada permulaan yang teruk, sekarang subjek kajian saya telah dapat menulis dengan genggamans pensel yang betul dan secara tidak langsung dapat menghasilkan hasil tulisan yang lebih kemas.

Kesimpulannya disini, penyelidikan tindakan ini sememangnya telah memberi kesan yang positif kepada Martin. Dia telah menunjukkan peningkatan yang membanggakan walaupun memerlukan bimbingan langkah demi langkah. Walaupun saya hanya berkesempatan memberi bimbingan dalam masa tiga bulan

sepanjang menjalani praktikum Fasa III, namun tindakan saya telah menunjukkan kesan yang positif. Perkara ini sudah tentu membanggakan dan mengembirakan saya. Saya bersyukur kerana pendekatan bimbingan individu dan Model Arahan Terus ini membantu Martin untuk menulis dengan cara memegang pensel yang betul semasa menulis. Disamping itu juga dapat memperbaiki kekemasan tulisan Martin daripada yang kurang kemas kepada kemas dan dapat dibaca serta difahami.

Refleksi Pembelajaran Kendiri

Sepanjang menjalankan penyelidikan tindakan ini, semua pengalaman yang saya perolehi sungguh bernilai. Hal ini kerana, ini merupakan pengalaman pertama saya melibatkan diri dalam dunia penyelidikan. Disamping banyak pengalaman baharu yang diperolehi melalui penyelidikan tindakan ini, banyak juga masalah yang dihadapi. Namun saya sahut semua masalah tersebut sebagai satu cabaran untuk memperbaiki diri saya. Melalui penyelidikan tindakan ini juga, saya dapat menambah baik amalan profesionalisma keguruan saya.

Selain itu juga, saya sedar bahawa sebagai seorang guru prasekolah kelak saya harus lebih prihatin terhadap masalah-masalah yang dialami oleh anak murid saya agar saya dapat mengatur strategi membantu mereka mengatasi masalah yang dihadapi semasa proses pembelajaran dan pengajaran. Seterusnya, saya juga dapat meningkatkan pengetahuan ilmiah dalam diri saya sepanjang kajian ini. Hal ini kerana saya perlu membuat pembacaan dari pelbagai sumber seperti buku, rujukan internet, artikel dan jurnal serta kajian-kajian lain untuk membuat kajian. Melalui pembacaan bahan ilmiah ini, saya telah mendapat banyak input baharu yang berkaitan dengan isu masalah kajian saya dan ini dapat membantu dalam penyelidikan tindakan.

Cadangan tindakan untuk kitaran seterusnya

Sekiranya saya diberi peluang untuk meneruskan kajian ini bagi kitaran seterusnya di sekolah yang sama, diharapkan saya diberi peluang untuk menggunakan alat bantuan teknologi sebagai strategi intervensi. Kemungkinan genggam yang lemah boleh dibangunkan dengan penggunaan alat adaptif seperti pemegang getah spesifik atau pensel segi tiga. Selain itu juga saya tertarik ingin mencuba alat-alat bantuan dalam pasaran seperti plastik genggam menulis bagi tujuan membangunkan genggam tripod semasa menulis. Pada akhir kajian tindakan yang seterusnya nanti, saya cuba menjawab persoalan adakah penggunaan alat adaptif (alat bantuan teknologi rendah) boleh meningkatkan keupayaan menggenggam pensel melalui intervensi pendekatan biomekanikal walaupun dalam zaman era komputer. Manakala di sekolah yang berlainan, saya akan memperkenalkan pendekatan ini juga sekiranya saya menjumpai masalah menulis yang sama dalam kalangan kanak-kanak prasekolah.

RUJUKAN

Dayang Nurmalisa Binti Abang Mohd Selanie (2010). Kesan Pendekatan Bimbingan Secara Individu Dalam Membantu Murid Tahun Tiga Membaiki Tulisan Bahasa Melayu. *Buku Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan Seminar*

Penyelidikan Tindakan Tahun 2010 Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang (Bahasa Melayu Pendidikan Rendah).ms.126-139.

Benjamin Anak Kibong (2005). Buta Nombor. *Prosiding Seminar Tindakan Tahun 2005*.ms.18-25.

Juliana Ling Chu Chen (2009).Membaiki Tulisan Murid Tahun 3 Dalam Matapelajaran Bahasa Cina Dengan Kaedah Ansur Maju.*Buku Koleksi Kertas Kerja Seminar Penyelidikan IPGM KBL Tahun 2009*.ms.146-156.

Lim Chien Yen (2012). Genggaman Pensel Kanak-Kanak Bermasalah Pembelajaran Dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis.*Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*.ms.65-77.

Levine, M. D. (1994). *Educational care: A system for understanding and helping children with learning problems at home and in school*. Cambridge, Massachusetts: Educators Publishing Service Inc.

Noraini Binti Ombi (2009). Kajian Kes Keatas Kekemasan Tulisan Murid Tahun 2 Dalam Kelas Pemulihan Khas Bahasa Melayu.*Buku Koleksi Kertas Kerja Seminar Penyelidikan IPGM KBL Tahun 2009*,ms.215-227

Sassoon, R. (1993). *Handwriting: The way to teach it*. Cheltenham: Stanley Thornes.

Tiong Houg Ching (2005).Membaiki Tulisan Pelajar Tingkatan Peralihan Dengan Kaedah Ansur Maju.*Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2005*.ms.84-96